

Ilmu perubatan dalam Islam

GOLONGAN-GOLONGAN tertentu yang cuba menggagalkan para pelajar Melayu di bidang pelajaran dan perubatan, seperti kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, memanglah tidak bertanggungjawab malah boleh dikatakan mengkhianati kemajuan.

Golongan-golongan yang tidak bertanggungjawab itu sebenarnya sedang melakukan sesuatu yang amat berlawanan dengan pengajaran dan suruhan agama Islam yang mahu umatnya maju di segala bidang, lebih-lebih lagi di bidang yang dapat menolong manusia bebas dari azab sengsara dan kesakitan.

Dari manakah golongan-golongan itu menerima pengajaran bahawa haram bagi para pelajar Islam menuntut di bidang perubatan tentulah mereka sahaja yang mengetahui. Tetapi tidak ada di dalam ajaran Islam yang mengatakan begitu. Malah mereka harus menyedari bahawa bapa perubatan moden sendiri ialah seorang Islam—Ibnu Sinaah.

Sepatutnya golongan-golongan ini, kalau mereka benar-benar faham apa yang dikehendaki oleh Islam, akan memberi galakan lagi kepada para pelajar Melayu supaya lebih ramai menuntut di bidang perubatan dan di bidang-bidang lain juga, dan kalau mereka mendakwa menjadi pendakwah, mereka haruslah lebih mengetahui keadaan yang sebenarnya.

Golongan-golongan yang cuba melenyapkan minat pelajar-pelajar Melayu di bidang pelajaran, sama ada perubatan, kejuruteraan dan lain-lain, bukanlah pendakwah untuk agama Islam, tetapi sebaliknya pendakwah palsu yang menentang pengajaran Islam dan mahu melihat umat Islam mundur dan hidup sebagai hamba dalam dunia yang seharusnya diperintah dan dimajukan oleh orang-orang Islam.